

20 MAR 2003

Abdullah-Bangunan (Bergambar)/I

BANGUNAN AMERIKA SYARIKAT DI MALAYSIA DIKAWAL KETAT, KATA ABDULLAH

KLANG, 20 Mac (Bernama) -- Pemangku Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini mengarahkan agar semua bangunan milik Amerika Syarikat di negara ini diberi kawalan ketat bagi mencegah sebarang kemungkinan buruk.

Beliau berkata langkah itu penting kerana beberapa orang yang ditahan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) sebelum ini, diketahui mempunyai perancangan untuk melakukan serangan terhadap bangunan milik Amerika Syarikat.

"Jadi dengan itu kita kenalah memastikan kawasan-kawasan ini dijaga daripada berlakunya insiden-insiden yang kita tidak mahu ia berlaku," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung Persatuan Bekas Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Malaysia di sini.

Abdullah turut mengulangi nasihat agar warga Malaysia bertenang menghadapi krisis yang melanda Iraq dengan tidak bertindak mengikut emosi yang boleh menjejaskan ketenteraman negara, ekonomi dan kehidupan harian mereka.

Dalam ucapannya ke seluruh negara yang disiarkan secara langsung oleh RTM hari ini sebagai reaksi awal kepada serangan Amerika Syarikat dan sekutunya terhadap Iraq, Pemangku Perdana Menteri berkata rakyat perlu berfikiran rasional dan bertindak bijak untuk memperlihatkan bahawa mereka menghargai kedamaian dan sama sekali tidak merestui keganasan dalam apa jua bentuk.

Bercakap pada sidang akhbar selepas majlis perasmian itu, Abdullah berkata ada kemungkinan orang tertentu meluahkan kemarahan dengan memilih untuk mengambil tindakan yang akan membawa mudarat kepada negara dan rakyat.

Ditanya sama ada ada lagi anggota Jemaah Islamiah (JI) akan ditangkap, Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri berkata: "Saya tidak tahu ada tangkapan lagi ke tidak. Ini bergantung kepada pihak polis yang sentiasa mengawasi keadaan keselamatan."

Pemangku Perdana Menteri turut ditanya jika Malaysia akan berusaha mendapatkan lebih sokongan dari anggota Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) bagi mengecam Amerika Syarikat.

Abdullah berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku pengerusi pergerakan itu telah menjelaskan pendirian NAM bahawa perang bukan cara menyelesaikan masalah.

"Dengan itu tindakan yang diambil negara-negara NAM adalah dilihat konsisten dengan kenyataan Perdana Menteri iaitu pandangan NAM ialah peperangan bukanlah satu cara pendekatan yang memberi jalan penyelesaian kepada sebarang masalah," katanya.

Mengenai laporan sebuah akhbar hari ini mengenai penemuan empat tan ammonia nitrat di sebuah ladang kelapa sawit di Muar, Johor, Abdullah berkata: "Kita sedang menyiasat."

Akhbar itu melaporkan bahan yang boleh digunakan bagi membuat bom itu dijumpai ekoran penangkapan seorang lelaki yang disyaki anggota JI.

Abdullah juga berkata Malaysia sentiasa bekerjasama dengan pihak berkuasa keselamatan di negara-negara rantau dalam usaha memerangi pengganas.

-- BERNAMA

RIZ MOZ